

80

**SOALAN NO: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**

**TARIKH: 13 MAC 2018**

**SOALAN:**

**Puan Rubiah Binti Haji Wang [ Kota Samarahan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kadar pengangguran terkini negara dan perbandingan dengan negara ASEAN lain dan apakah strategi Kementerian bagi memastikan angka pengangguran ini akan terus dikurangkan.**

**PR-1361-L05377**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negara bagi suku keempat tahun 2017 adalah 3.4%. Manakala, kadar pengangguran bagi negara ASEAN bagi suku kedua tahun 2017 adalah dalam lingkungan 1.2% hingga 5.7% seperti berikut:
  - (a) Thailand sebanyak 1.2%;
  - (b) Vietnam sebanyak 2.3%;,
  - (c) Singapura sebanyak 2.9%;
  - (d) Malaysia sebanyak 3.4%;
  - (e) Indonesia sebanyak 5.3; dan
  - (f) Filipina sebanyak 5.7%.
2. Statistik ini menunjukkan negara berada pada tahap guna tenaga penuh atau “*full employment*” mengikut takrifan *Organization for Economic Co-Operation and Development* (OECD) 1999, negara yang mencatat kadar pengangguran di antara 4% hingga 6% di kategorikan sebagai guna tenaga penuh atau “*full employment*”. Berdasarkan pertumbuhan ekonomi tahun semasa, Kementerian Sumber Manusia yakin bahawa negara dapat mengekalkan kadar pengangguran dalam lingkungan 3.5 %.

3. Dalam hubungan ini, bagi membantu golongan penganggur mendapatkan pekerjaan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran, Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan:

(i) **Penubuhan Pusat Kerjaya (*JobsMalaysia Centre JMC*) di *Urban Transformation Centre (UTC)***

JMC berperanan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti mengenai maklumat berkaitan peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, pemandanan pekerjaan, temuduga serta penempatan pekerjaan.

(ii) **Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya (*Career Information Centre*)**

ia berfungsi sebagai "One Stop Centre" kepada pencari kerja. Pusat ini bertempat di *JobsMalaysia* yang berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(iii) **Program Penempatan Pekerjaan**

Penganjuran program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya (*Job Fair*) dan temuduga terbuka telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan.

Tuan Yang Di Pertua.

4. Kesimpulannya, dengan penganjuran program-program yang giat dilaksanakan untuk membantu golongan penganggur mendapatkan pekerjaan, adalah diharapkan isu pengangguran ini dapat ditangani.